



KENYATAAN MEDIA

PROGRAM KEUSAHAWANAN MIKRO PERKASA ATLET PARA MELALUI INISIATIF KIOSK KOPI OHSEM

Kuala Lumpur, 15 Jun 2026 – Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) dengan kerjasama Crux Institute telah menganjurkan Program Keusahawanan Mikro yang bertujuan untuk memperkasakan atlet para melalui pembangunan kemahiran keusahawanan dan perniagaan.

Program ini melibatkan seramai 40 atlet para terpilih di bawah Inisiatif Kiosk Kopi Ohsem, yang direka khusus untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai asas pengurusan dan operasi perniagaan mikro. Dalam program ini, peserta akan menerima latihan dan bimbingan yang merangkumi pengetahuan keusahawanan praktikal, kemahiran operasi perniagaan, pengurusan kewangan serta pembinaan keyakinan diri dalam menguruskan perniagaan secara berdikari.

Program ini turut memberi penekanan kepada aspek pembangunan jangka panjang seperti literasi kewangan dan kesedaran terhadap keperluan menjana pendapatan sendiri, khususnya sebagai persediaan kehidupan selepas bersara daripada arena sukan.

Presiden Majlis Paralimpik Malaysia, Dato' Sri Megat D. Shahrizan bin Dato' Zaharudin berkata inisiatif seperti ini merupakan satu platform penting dalam membantu atlet para membina masa depan yang lebih stabil dan mampan selepas menamatkan kerjaya sukan mereka.

"Program ini merupakan satu platform yang amat baik untuk atlet para memperoleh ilmu, pengalaman dan kemahiran keusahawanan yang boleh dijadikan sumber pendapatan pada masa hadapan. MPM sentiasa komited untuk memastikan atlet para bukan sahaja cemerlang dalam arena sukan, malah mempunyai peluang untuk membina kerjaya dan menjana pendapatan yang mampan selepas bersara daripada sukan. Inisiatif seperti ini dapat membantu mereka menjadi lebih berdikari serta bersedia menghadapi kehidupan selepas tamat kerjaya sebagai atlet," katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa pemerkasaan ekonomi merupakan elemen penting dalam meningkatkan kualiti hidup atlet para secara keseluruhan. Melalui program seperti ini, peserta bukan sahaja diberi pendedahan kepada dunia perniagaan, malah turut dipupuk dengan nilai disiplin, ketahanan diri, tanggungjawab serta semangat keusahawanan yang tinggi.

Program ini juga menjadi platform pengiktirafan kepada komitmen dan usaha atlet para sepanjang tempoh latihan berlangsung. Sebagai tanda penghargaan, semua peserta telah menerima sijil penyertaan serta insentif kewangan sebagai sokongan awal dalam menggalakkan mereka memulakan langkah dalam bidang keusahawanan.

Majlis Paralimpik Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Crux Institute serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. MPM akan terus komited untuk memperluaskan lebih banyak inisiatif pembangunan kapasiti dan pemerkasaan ekonomi bagi atlet para di Malaysia.

Unit Media dan Komunikasi
Majlis Paralimpik Malaysia (MPM)
15 Jun 2026